

Populararkan karya agung Melayu, Sasterawan Negara

Oleh **OMAR ZIN DAN NURSYAHIDAH SAIDI**
utusannews@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Anwar Ibrahim memperuntukkan tambahan RM5 juta untuk memartabat dan mempopularkan karya-karya agung Melayu dan karya-karya Sasterawan Negara.

Ia sekali gus menjadikan jumlah peruntukan keseluruhan kepada RM25 juta untuk tiga agensi bagi menggalakkan aktiviti terjemahan dan penerbitan karya iaitu Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM) serta Yayasan Karyawan.

Perdana Menteri berkata, ia meliputi RM3 juta untuk Yayasan Karyawan manakala tambahan RM2 juta lagi diperuntukkan kepada DBP.

“Saya harap DBP ketengahkan karya Sasterawan Negara, beri keutamaan. Tolong beri pengiktirafan sewajarnya dan segera.

“Yayasan Karyawan juga perlu dimantapkan kedudukannya kerana saya mahu karya 50 hingga 60 judul baharu diterbitkan dan kemudian dikembangkan ke karya agung Islam dan dunia,” katanya ketika berucap dalam majlis pelancaran karya Agung, *Sayr Al-Salikin* dan *Hikayat Iskandar Zulkarnain* di DBP di sini, semalam.

Dalam pada itu, Anwar juga



ANWAR Ibrahim bersama Pengerusi Lembaga Amanah Yayasan Karyawan, Tan Sri Hamad Kama Piah Che Othman (dua kanan) melancarkan majlis pelancaran karya agung *Sayr Al-Salikin* dan *Hikayat Zulkarnain* di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur semalam. - UTUSAN/ FAIZ ALIF ZUBIR

mengarahkan Kementerian Pendidikan turut sama memainkan peranan dalam menyebarkan karya agung dan karya Sasterawan Negara.

“Saya harap dana RM25 juta diselaras dengan baik dan jangan kerja secara silo, jadi saya minta Kementerian Pendidikan bantu selaraskan keutamaan DBP ITBM dan Yayasan Karyawan, termasuk RM20 juta untuk segera menerbit dan menyebarkan karya Sasterawan Negara.

“Insya-Allah, saya akan beri-

kan apa sahaja sokongan yang perlu, ini soal survival bangsa, tidak hanya soal kekuatan ekonomi atau tatakelola.

“Kita perlu mengekalkan tradisi Melayu yang sebenarnya yang boleh dibanggakan orang Melayu iaitu pimpinan bersih dan bertanggungjawab yang faham erti pembangunan dan pemerkaasan budaya dan bangsa,” katanya.

Sementara itu, Pengerusi Lembaga Pengelola DBP, Senator Datuk Seri Dr. Awang Saryan menjelaskan, antara karya

yang boleh dimartabat adalah karya agung berbentuk pensejarahan atau historiografi.

Katanya, antara karya yang perlu terus dibaca dan dikaji adalah seperti *Sulalat al-Salatin* atau *Sejarah Melayu*, *Hikayat Hang Tuah*, *Hikayat Merong Mahawangsa*, *Hikayat Misa Melayu*, *Hikayat Pahang*, *Hikayat Kelantan* dan *Hikayat Johor*.

“Hikayat berkenaan merupakan sauh terpenting yang mendasari seluruh akal budi Melayu,” katanya.